

Agensi awam elak sedia taska

B.H m/s 6 20.3.07

Shahrizat kesal saranan kerajaan tidak dilaksanakan walaupun insentif kewangan disediakan

Oleh Mohd Hamizar Hamid

PUTRAJAYA: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, semalam menyatakan rasa tidak puas hati terhadap jabatan dan agensi kerajaan yang masih gagal menyediakan taman asuhan kanak-kanak (taska) di tempat kerja bagi kemudahan kakitangan masing-masing.

Shahrizat berkata, sikap ambil mudah saranan kerajaan itu menyebabkan penubuhan taska berkenaan tertangguh, walaupun kementerian menyediakan insentif kewangan dan langkah itu sejajar dasar pembangunan modal insan yang ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya tidak puas hati... bukan me-

reka tidak mahu (wujudkan taska) cuma mereka tidak meletakkannya sebagai perkara utama... mereka kata tak apalah, lecehlah dan kita buatlah masa lain dan akhirnya benda itu tak jadi," katanya selepas melancarkan Program Keluarga@Kerja di Auditorium Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan dan Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Tan Sri Zaleha Ismail.

Pada masa ini, hanya 93 taska diwujudkan di premis sektor awam di seluruh negara.

Awal tahun ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengumumkan geran pelancaran sehingga RM80,000 bagi penubuhan taska oleh mana-mana jabatan atau agensi kerajaan.

Kerajaan juga menyediakan subsidi pengasuhan RM180 untuk bayi baru lahir sehingga kanak-kanak berusia empat tahun kepada kakitangan awam dengan pendapatan isi rumah kurang RM2,000 sebulan.

Mengenai Program Keluarga@Kerja, Shahrizat berkata, kementerian menerusi LPPKN akan menganjurkan 168 sesi program keibu-bapaan sepanjang tahun ini dengan membabitkan 11,760 kakitangan awam.

Katanya, program yang bertujuan memberi kesedaran dan pengetahuan kepada ibu bapa mengenai kepentingan mengimbangi peranan



IMBANGI TANGGUNGJAWAB: Shahrizat melancarkan Program Keluarga@Kerja, sambil diperhatikan, Zaleha (kiri) dan Sidek, di Auditorium Jabatan Perdana Menteri, di Putrajaya, semalam.

serta tanggungjawab terhadap keluarga dan kerjaya itu akan diperluaskan ke sektor swasta dan komuniti.

"Tugas ibu bapa bukanlah tugas yang mudah sekarang kerana terdapat pelbagai cabaran, permintaan dan metodologi baru," katanya.

Shahrizat berkata, mengikut statistik pasaran pekerjaan bagi 2005, sejumlah 46.7 peratus tenaga kerja negara ini adalah wanita.

Sehubungan itu, katanya, prasarana bersifat lebih mesra keluarga perlu disediakan di tempat kerja.

"Kita tidak boleh melihat masalah

ini sebagai isu wanita sebaliknya isu nasional dan ekonomi," katanya.

Program Keluarga@Kerja membatik kakitangan kementerian, agensi kerajaan dan badan berkanun pada peringkat Persekutuan, negeri dan daerah akan berlangsung bulan depan hingga Disember.

FAKTA NOMBOR

Taman asuhan kanak-kanak

93

Di premis sektor awam

RM80,000

Geran penubuhan diperuntukkan kementerian